

07 FEB 2003

Puteri-Calon (Bergambar)

PUTERI UMNO TIDAK CADANG KEMUKA CALON PILIHAN RAYA

ALOR STAR, 7 Feb (Bernama) -- Puteri Umno tidak bercadang mengemukakan mana-mana anggotanya sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang memandangkan penglibatan pergerakan itu masih baru dalam parti.

Ketua Pergerakannya Azalina Othman Said berkata sehingga kini, Puteri tidak pernah menimbulkan isu untuk melobi sesiapa dalam pergerakannya menjadi calon pilihan raya umum kelak.

"Puteri Umno masih baru dalam politik dan masih banyak lagi yang perlu dipelajari. Isu untuk melobi sesiapa dalam Puteri Umno sebagai calon tidak timbul kerana sesiapa sahaja dalam parti boleh jadi calon," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, Azalina mengetuai 15 anggota Exco Puteri Umno peringkat pusat melakukan kunjungan hormat ke atas Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di Wisma Darul Aman sempena pelancaran Gerak Kerja Pilihan Raya Puteri Umno yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad di Jitra petang ini.

Azalina berkata Puteri Umno berada di Kedah adalah kerana bekerja sebagai sebuah jentera parti dan bukan kerana mahu melobi sesiapa dari kalangan anggota pergerakannya sebagai calon.

"Parti adalah segala-galanya dan bukan individu. Puteri Umno adalah pergerakan yang membantu tidak kira siapa calon parti yang bertanding. Jika ada anggota Puteri Umno yang berkebolehan dan disokong pucuk pimpinan parti untuk menjadi calon, kami akan bersedia sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, Syed Razak berkata semua Umno bahagian telah memberi kerjasama dan menjalin hubungan baik dengan Puteri serta tidak ada masalah yang timbul setakat ini.

Beliau berkata pihaknya tidak akan membenarkan mana-mana jentera parti berselisih faham dan apa yang penting ialah persediaan untuk bekerjasama menghadapi pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA
FIZ MAN NAK